

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI  
IBRAHIM (KUALA SELANGOR)**

**TARIKH :**

**SOALAN NO: 464**

**YB DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM (KUALA SELANGOR)** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan statistik terkini jumlah usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang telah menyertai pasaran ekonomi digital dan nilai dagangan yang diperolehi oleh negara menerusi kaedah ini.

**JAWAPAN**

Sehingga 30 September 2017, sebanyak 59,179 syarikat tempatan telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk menjalankan perniagaan dalam talian.

Manakala Kajian Suku Tahunan SME Corp Malaysia untuk Suku Tahun Pertama 2017 pula menunjukkan bahawa sebanyak 27.2 peratus perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan telah pun menjual produk mereka secara dalam talian (berdasarkan maklumbalas daripada 2,236 responden kajian). Daripada jumlah ini, 15.6 peratus adalah untuk pasaran eksport.

Pada tahun 2016, aktiviti eDagang telah menyumbang sebanyak 6.1% (RM74.6 bilion) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara berbanding 5.9% (R M68 bilion) yang dicatatkan pada tahun 2015.

Di bawah Pelan Hala Tuju Strategik eDagang Kebangsaan (NeSR) yang telah dilancarkan pada 13 Oktober 2016, Kerajaan telah mensasarkan untuk menggandakan kadar pertumbuhan eDagang di Malaysia daripada 10.8% pada tahun 2016 kepada lebih dari 20% menjelang tahun 2020.

Pelaksanaan program-program yang telah dirangka di bawah Pelan Hala Tuju ini dijangka menyumbang lebih daripada RM211 bilion nilai KDNK menjelang tahun 2020, berbanding sasaran awal yang telah ditetapkan di bawah RMK-11 sebanyak RM114 bilion. Salah satu program utama di bawah NeSR adalah inisiatif Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri dan Jack Ma pada 22 Mac 2017, yang mana Projek Perintis DFTZ ini telah dilancarkan pada 3 November baru-baru ini.

Di bawah inisiatif DFTZ, sekurang-kurangnya 1,900 PKS tempatan telah dikenalpasti yang berpotensi mengeksport produk menerusi platform Alibaba. Pelaksanaan DFTZ dijangka membantu Kerajaan mencapai sasaran yang telah ditetapkan untuk menggandakan eksport PKS tempatan menjelang tahun 2025. Di samping itu, prestasi eksport PKS tempatan juga dijangka menyumbang kepada pencapaian sasaran transaksi perdagangan bernilai USD65 bilion menjelang tahun 2025, yang mana 38.4 peratus (USD25 bilion) daripadanya adalah menerusi transaksi eksport.

RT28/465

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN SIM CHEE KEONG  
DARIPADA [BUKIT MERTAJAM]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada permohonan untuk bangunan tambahan SRJKC Permatang Tinggi Bukit Mertajam yang tertunda lebih lapan tahun sudah diluluskan untuk Rolling Plan ke-2 Rancangan Malaysia Ke-11. Jika ya, bila pelaksanaan pembinaan, jika tidak, mengapa dan bila akan diluluskan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Permohonan bagi membina dua (2) blok bangunan tambahan yang mengandungi 12 bilik darjah dan kemudahan-kemudahan lain di SJKC Permatang Tinggi, Pulau Pinang telah dikemukakan dalam *Rolling Plan ke-3 RMKe-11* bagi tahun 2018. Projek ini baharu sahaja diluluskan oleh agensi pusat.

RT28/465